

**TEKS UCAPAN ALUAN
Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

CHANCELLOR'S TALK

**10 Ogos 2017, 9.00 pagi
Dewan Besar UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

- 1. Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali**
Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM
- 2. Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin**
Ahli Lembaga Pengarah Universiti

- 3. Yang Berusaha Puan Kholiah binti Ismail**
Ahli Lembaga Pengarah Universiti
- 4. Yang Berusaha Encik Mohd Nazri bin Md Shariff**
Ahli Lembaga Pengarah Universiti
5. Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Penolong-Penolong Naib Canselor
6. Pegawai-pegawai Kanan Universiti
7. Majlis Perwakilan Pelajar UTeM

8. Rakan Media, Warga UTeM seterusnya hadirin hadirat yang dihormati sekalian.
1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam buat junjungan besar kekasih yang tercinta Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan sahabat baginda. Marilah kita merafa'kan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T yang mengizinkan kita untuk berhimpun sempena program Chancellor's Talk 2017 pada pagi yang indah ini.
2. Terlebih dahulu, saya dan seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM kerana sudi meluangkan masa

bersama-sama kita pada majlis hari ini. Sesungguhnya kami berasa amat bertuah kerana dalam keadaan jadual yang padat namun Yang Berbahagia Tan Sri sudi meluangkan masa bersama kita dalam satu majlis ilmiah yang pastinya memberi manfaat kepada kita semua.

3. Dikesempatan ini juga, saya turut mengalu-alukan kehadiran ahli-ahli Lembaga Pengarah UTeM serta hadirin dan hadirat sekalian yang pastinya menjadikan majlis ilmiah pada pagi ini lebih bermakna.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

4. Penganjuran Program Chancellor's Talk ini telah disuarakan dan dipersetujui pelaksanaannya melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 6 pada tahun 2013. Alhamdulillah, program ini telah dilaksanakan dengan jayanya sebanyak dua kali sebelum ini, yang

mana turut menyaksikan Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Canselor UTeM sendiri menyempurnakan program perkongsian ilmiah bagi siri kedua pada 12 Ogos 2015 dengan tajuk ‘Wacana Canselor’.

5. Pada hari ini, sekali lagi seluruh warga Universiti berasa teramat bertuah kerana Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti sendiri yang akan memberikan ucaptama Chancellor’s Talk bagi siri penganjuran yang ketiga. Justeru itu, izinkan saya mengambil sedikit masa untuk berkongsi latar belakang Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajudin Ali:

- Beliau merupakan Pengurus Kumpulan UEM Berhad, selain turut memegang jawatan yang sama di Linde Malaysia Holdings Berhad, Construction Industry Development Board Berhad (CIDB), SIRIM QAS International Sdn. Bhd., Bangi Golf Berhad, UPM Holdings Sdn. Bhd., Construction Research Institute of Malaysia (CREAM) dan Malaysia Shoaiba Consortium Sdn Bhd., selain turut menjalankan amanah sebagai Pengurus Bersama (Industri) di Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT).
- Penglibatan di peringkat antarabangsa pula, Tan Sri telah diberi amanah sebagai Ahli Lembaga Saudi-Malaysia Water & Electricity Company Limited dan Alimtiaz Operation & Maintenance Company Limited yang berpangkalan di Arab Saudi.

- Dari aspek kerjaya, Tan Sri Dr. Tajuddin mempunyai pengalaman yang meluas menerusi pelantikan sebagai Ketua Pengarah Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM) selama 7 tahun, Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad selama 4 tahun, seterusnya sebagai Pengerusi Malaysia Gas bermula pada tahun 2001, Suruhanjaya Tenaga Malaysia pada 2009, Presiden Akademi Sains Malaysia pada 2010 sehingga 2017, Pengerusi PLUS Expressways International Berhad dari 2012 sehingga Februari 2017 dan seterusnya sebagai Pengerusi UEM Sunrise Berhad pada 2008 hingga Mei 2017.

- Beliau juga merupakan Jurutera Profesional Berdaftar, Lembaga Jurutera Malaysia, Fellow Kanan Akademi Sains Malaysia, Fellow Institusi Jurutera Malaysia, Fellow Persekutuan Asean Pertubuhan Kejuruteraan dan Fellow ASEAN Akademi Kejuruteraan dan Teknologi.
- Pada masa ini, Tan Sri Dr. Tajuddin merupakan Pro Canselor Universiti Tenaga Nasional dan ahli Majlis Penasihat Universiti Antarabangsa. Beliau juga menjadi Ahli, Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi, Malaysia dan Ahli Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC).

- Sumbangan besar dan penglibatan beliau yang cemerlang dalam pelbagai sektor industri telah diiktiraf oleh beberapa universiti ternama di negara ini menerusi penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Sains oleh Universiti Putra Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu, Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan oleh Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka sendiri, juga Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Y.Bhg. Tan Sri, Hadirin dan Hadirat sekalian,

6. Selain daripada program Chancellor's' Talk pada pagi ini, majlis ini juga tentunya menjadi platform terbaik bagi pihak Universiti untuk melancarkan Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM) 2015 – 2025. Dokumen strategik ini merupakan sumber rujukan dan panduan kepada universiti dan pemegang taruh dalam merencana perancangan sumber manusia dalam menghasilkan insan yang berakhhlak dan holistik, seimbang dalam aspek intrinsik dan ektrinsik, sekaligus menjadikan UTeM sebagai universiti awam pertama di Malaysia yang berjaya merealisasikan agenda ihsan ini.

7. Dikesempatan ini, saya bagi pihak universiti mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pejabat Pendaftar, Jawatankuasa Induk Pelan Strategik Sumber Manusia, Pelan Penggantian dan Pelan Pembangunan Individu, fasilitator dan semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam penghasilan dokumen Pelan Strategik Sumber Manusia 2015-2025 ini.
8. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Pelaksana di atas komitmen tinggi menyatu idea, menyempurnakan tugasan bagi memastikan majlis pagi ini terlaksana dengan lancarnya seperti mana yang dirancang awal.

Cerana kesumba indah melati,
Cantik tersemat damaan puteri,
Ilmu dikongsi sepenuh hati,
Menyatu warga minda bistari.

Sekian, saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh